

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

69th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1576



9 772232 157005

LAWATAN AKADEMIK PROGRAM AM110 KE PONTIANAK, KALIMANTAN

Oleh: Faizul Bin Adenan

Pada 10 - 13 November 2014, seramai 30 orang pelajar semester 5 bagi kod kursus PAD320 program AM110 telah menganjurkan lawatan akademik ke Pontianak, Kalimantan Barat. Dengan diringi oleh dua orang pegawai pengiring iaitu Encik Faizul Bin Adenan dan Lt Kol (B) Saiful Anwar Md Ali, lawatan ini merangkumi Pejabat Walikota Pontianak, Universitas Tanjung Pura (UNTAN) dan Konsul Malaysia di Pontianak.

Sambutan dari ketiga-tiga tempat adalah diluar jangkaan. Di Pejabat Walikota, pegawai si sana membawa perwakilan serta kakitangan untuk sama-sama menerima kehadiran kami. Sesi soal jawab dijalankan dalam masa setengah jam.

Di Universitas Tanjung Pura, peserta rombongan disambut oleh Dekan serta beberapa orang pensyarah serta hampir 20 orang pelajar Universitas di sana. Selepas sesi penerangan mengenai Universiti, sesi soal jawab dari kedua-dua pihak dijalankan.

Di Konsul Malaysia, rombongan berpeluang bertemu dengan Wakil Konsul Malaysia di Pontianak, Encik Khairul NAzran Abd Rahman serta beberapa orang staf yang lain. Sesi soal jawab yang lebih berkisar kepada hubungan antarabangsa antara kedua-dua buah negara turut dijalankan.

Dari perspektif pendedahan kepada pentadbiran luar negara, pelajar-pelajar amat beruntung kerana mereka boleh lihat sendiri kaedah dan cara pengurusan sesebuah negara selain Malaysia. Mereka juga boleh melihat budaya, sosioekonomi dan politik di Pontianak, Kalimantan Barat melalui corak kehidupan penduduk setempat.



Lawatan Akademik Diploma Pengurusan Pelancongan (HM111) Ke Pulau Pinang

Pada 28 Ogos 2014 sehingga 1 September 2014 yang lalu, seramai 17 orang pelajar daripada kursus Diploma Pengurusan Pelancongan iaitu HM111 5A telah mengadakan satu sesi lawatan akademik ('Education Tours to Penang 2014') ke Pulau Pinang selama 5 hari 4 malam. Seorang pensyarah pengiring turut menyertai lawatan tersebut, iaitu Encik Yaziz Kasim. Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk memenuhi keperluan subjek HTT350 (Tour Planning and Design) khususnya bagi pelajar Semester 5.


Objektif utama lawatan ini diadakan adalah untuk memenuhi keperluan silibus bagi kod kursus HTT350 - 'Tour Planning & Design' yang memerlukan pelajar merancang dan melaksanakan satu pakej pelancongan ke destinasi yang telah dipilih oleh pensyarah. Seterusnya, objektif lawatan ini juga adalah bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di bilik kuliah dalam menguruskan pakej pelancongan. Objektif yang seterusnya pula ialah untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan pelajar dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi sebelum, semasa dan selepas program dijalankan. Selain itu, ianya bertujuan untuk mewujudkan jalinan hubungan dan tanggungjawab sosial melalui lawatan ke sebuah rumah kebajikan. Objektif

selanjutnya ialah untuk meningkatkan pemahaman dan memberi pendedahan kepada pelajar dalam proses pembelajaran kod-kod kursus yang berkaitan dengan lawatan ini iaitu HTT247 - 'Tourism Geography', HTT317 - 'Transportation in Tourism' dan HTT327 - 'Cross Cultural Studies'.

Kesimpulannya, peserta rombongan mendapat banyak pengetahuan dan pengalaman yang berharga di sepanjang lawatan ini. Mereka percaya bahawa mereka akan dapat mengaplikasikan ilmu yang pelajari dalam bilik kuliah dengan situasi sebenar dalam industri pelancongan khususnya ketika latihan industri dan alam pekerjaan kelak. Kesemua objektif dan matlamat yang telah dirancang pada awal lawatan ini telah berjaya dicapai, selain kejayaan menganjurkan sebuah pakej pelancongan yang menarik. Walaupun ada sedikit kekurangan terutamanya dari segi pengurusan masa, namun pelajar dapat mengawal keadaan dan di situlah wujudnya semangat berkumpulan.



Penyerahan cenderahati kepada Timbalan Pengarah Tourism Malaysia, Pulau Pinang



Pelajar dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan Sesi Mac-Oktobre 2014



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**